

MOHAMED SAID HAJI MUHAMMAD, Tan Sri

(1907–1996), Menteri Besar Negeri Sembilan (1959–1969). Dia lahir pada 31 Oktober 1907 di Linggi, Negeri Sembilan. Dia merupakan anak Melayu Negeri Sembilan yang pertama berkelulusan doktor pakar dalam bidang perubatan.

Mohamed Said mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Linggi dan kemudian ke Malay College Kuala Kangsar (MCKK), Perak. Selepas itu, dia melanjutkan pelajarannya di King Edward VII College of Medicine, Singapura sehingga berjaya memperoleh ijazah dalam bidang perubatan pada tahun 1932. Dia juga mengikuti kursus kepakaran perubatan di Institute of Child Health, School of Tropical, London University dan di The Rotunda Lying in Hospital, Dublin.

Semasa menuntut di MCKK lagi Mohamed Said aktif dalam penulisan dan telah menterjemah karya R. Wilkinson berjudul "Sungai Ujung" ke dalam bahasa Melayu dan diterbitkan dalam *Majalah Guru*. Dia juga adalah editor majalah sekolah ini, *Semaian*. Semasa menuntut di King Edward VII College of Medicine, Singapura, dia juga editor *Medical Union Magazine*.

Mohamed Said juga menghasilkan sebahagian terjemahan Parr and McRay's "Rembau" untuk *Majalah Guru* (1955). Semasa bertugas sebagai doktor di Negeri Sembilan, dia masih aktif dalam penulisan dan menerbitkan "Kwashiorkor" (*Malignant Malnutrition*) dalam *Malayan Medicine Journal*. Dia juga menyumbangkan rencana perubatan dalam akhbar misalnya *The Straits Times*, Singapura, di samping menjadi penyumbang tetap akhbar di Tanah Melayu termasuk menulis rencana politik.

Sepanjang perkhidmatannya dengan kerajaan, Mohamed Said pernah bertugas sebagai pegawai perubatan di Hospital Daerah Pekan, Pahang, Hospital Besar Kuala Lumpur dan doktor pakar di Hospital Besar Seremban.



Mohamed Said Haji Muhammad

Jawatan akhirnya sebelum dia meletak jawatan dan bertanding dalam pilihan raya ialah sebagai pakar obstetrik.

Mohamed Said menang tanpa bertanding dalam pilihan raya (1955) dan menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan hingga tahun 1956. Pada tahun 1959, Mohamed Said memenangi kerusi kawasan Linggi sebagai calon Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Dia dilantik sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan pada 23 Jun 1959. Pada tahun 1964, selepas pilihan raya umum 1964, Mohamed Said sekali lagi dilantik sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan untuk penggal kedua, hingga tahun 1969. Semasa menjadi Menteri Besar, Mohamed Said juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara (1959), wakil Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu (1963), di samping dilantik sebagai ahli Majlis Universiti Malaya, ahli Majlis Kolej Islam Kelang, dan Pengerusi Jemaah Pengurus Sekolah King George V, Seremban.

Mohamed Said telah dianugerahi pingat dan darjah kebesaran, antaranya Queen's Fellowship (1941), Dato' Setia Perkasa Negeri Sembilan (S.P.N.S.) daripada Yang Dipertuan Negeri Sembilan yang membawa gelaran Dato', Panglima Mangku Negara (P.M.N.) daripada Yang di-Pertuan Agong yang membawa gelaran Tan Sri, dan anugerah ijazah kehormat Doktor Undang-Undang daripada Universiti Malaya (1976).

Mohamed Said meninggal dunia pada 22 Julai 1996.